

**PM Akan Respons 'Tweets' Bertuah Menerusi Program 'Merdeka Tweets'
Bernama
13 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Sekurang-kurangnya tiga rakyat Malaysia yang bertuah akan berpeluang mendapat respons secara terus daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di laman sosial 'Twitter', melalui program 'Merdeka Tweets' yang julung kalinya diperkenalkan sempena sambutan Hari Kemerdekaan.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata tidak kurang sejuta 'tweets' disasarkan sebaik program itu dilancarkan pada 30 Ogos, pukul 8.10 malam di Stadium Nasional Bukit Jalil dengan Perdana Menteri sendiri akan memilih 'tweets' terbaik dan membalasnya.

"Ini kami anggap sebagai inovatif dan kita sama-sama tunggu peristiwa ini agar ia sebenarnya dapat mencetuskan isi hati dan denyut nadi perjuangan kita sambut kemerdekaan," katanya pada sidang media di sini, pada Isnin.

Rais berkata Perdana Menteri juga dijadual menyampaikan amanat merdeka pada malam berkenaan di stadium itu di samping turut bersama-sama rakyat meraikan ambang kemerdekaan dengan pelbagai program menarik yang disusun untuk diadakan di dalam dan luar stadium.

Antara lain, beliau berkata anugerah khas akan diberi kepada rakyat Malaysia yang ulung dan mencapai satu tahap yang penting dalam kehidupan dan tamadun manusia pada malam berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687796>